



# Melayu boleh memerintah sendiri

S.H 28/7/08 M/s 15

**ADA** banyak sebab mengapa UMNO dan Pas berunding tetapi sebagai parti politik sebab-sebab itu tentunya tidak dapat lari dari dikaitkan dengan soal politik dan kuasa. Dalam konteks kedua-dua parti politik Melayu ini sudah tentu agak lumrah untuk mereka menyebut soal menjaga kedudukan orang-orang Melayu dan agama Islam.

Saya sering menyatakan bahawa kedudukan dan keistimewaan Raja-Raja, agama Islam dan orang Melayu kukuh dan tidak boleh dipadamkan dari perlembagaan. Dan ini tidak boleh dilakukan meskipun orang Melayu kehilangan kuasa politik: kuasa penentu dalam soal-soal tadi terletak di tangan Majlis Raja-Raja, bukan Parlimen.

Meskipun begitu sudah tentulah lebih mudah untuk mengisi atau melaksanakan peruntukan-peruntukan berkenaan sekiranya kuasa atau kerajaan berada di tangan orang-orang Melayu sendiri. Dan saya sudah beberapa kali menegaskan bahawa di dalam senario dan komposisi penduduk negara ini sekarang orang-orang Melayu boleh memerintah sendiri - yakni membentuk kerajaan persekutuan - tanpa sokongan kaum lain. Buat masa ini sekitar 60 peratus penduduk negara ini ialah orang Melayu dan Islam.

Saya tidak pasti kedudukannya sekarang tetapi saya yakin ia tidak berubah. Selepas pilihan raya umum terdahulu, yakni pada 1999

dan 2004, jumlah kerusi parlimen yang dipegang oleh ahli-ahli parlimen Melayu dari UMNO, Pas dan PKR cukup untuk membentuk kerajaan di peringkat persekutuan. Saya yakin jumlah kerusi Melayu di Dewan Rakyat sekarang ini melebihi 112 yang merupakan jumlah minimum untuk membentuk kerajaan persekutuan.

Saya tidak berhasrat untuk mempromosikan faham perkauman atau politik sempit. Apa yang saya sebut ini sekadar untuk menyatakan bahawa kedudukan dan kepentingan Melayu dan Islam boleh dijaga oleh orang Melayu sendiri tanpa memerlukan sokongan orang bukan Melayu dan ini boleh dilakukan secara sah melalui perlembagaan. Sebagaimana orang lain, orang Melayu juga berhak untuk menggunakan perlembagaan bagi melindungi kedudukan dan kepentingan mereka.

Kita mendengar dari semasa ke semasa tuntutan dan ugutan dari kalangan tertentu di dalam kerajaan khususnya dan dalam Barisan Nasional umumnya. Awal 2006 dahulu sembilan orang ahli Kabinet bukan Melayu dan bukan Islam memberi kata dua kepada Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam kontroversi Allahyarham Mohamad Abdullah @ Moorthy yang sebelumnya adalah seorang India beragama Hindu. Selain MCA menteri Tan Sri Bernard Dompok beberapa kali menegaskan pendapatnya bahawa Malaysia negara sekular meskipun ini tidak selaras dengan perlembagaan

dan sikap kerajaan sebagaimana yang pernah dinyatakan oleh Abdullah dan Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak sendiri.

Bagaimanapun, UMNO tidak mengambil apa-apa tindakan dan ini membayangkan yang mereka takut kehilangan kuasa kerana sokongan golongan bukan Melayu dan bukan Islam kritikal dalam mengekalkan kedudukan kerajaan Barisan Nasional.

Syarat penting bagi membolehkan orang Melayu membentuk kerajaan persekutuan tanpa bergantung kepada sokongan orang lain ialah jiwa besar dan sikap mengutamakan kepentingan agama dan bangsa. Tanpa sikap ini, tidak mungkin wujud persefahaman dan keselarasan di kalangan ahli-ahli politik Melayu. Saya tidak mahu bercakap soal perpaduan Melayu kerana ini tidak pernah berlaku di negara ini. Dan saya tidak fikir perpaduan itu bermaksud duduk dalam satu parti atau menggabungkan parti-parti yang ada.

Jiwa besar dan mengutamakan kepentingan bangsa tidak pernah kelihatan. Apabila UMNO mempelawa Pas untuk menyertai kerajaan campuran pada 1973 dan kemudian Barisan Nasional pada 1974 parti sebenarnya itu sedang kelemasan. Setelah UMNO pulih ia kemudian menentang Pas keluar pada 1978.

UMNO sekali lagi mengajak Pas untuk duduk semeja selepas parti itu tercungap-cungap dalam Pilihan Raya Umum 1999 apabila orang

Melayu sendiri menolak UMNO setelah Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat dari UMNO dan kerajaan. Waktu itu UMNO gagal di Kelantan dan Terengganu. UMNO dilanda oleh masalah yang lebih teruk sekarang. Begitu juga dengan parti-parti komponennya yang lain seperti MCA, MIC dan Gerakan.

Perlembagaan sebenarnya menyebelahi kepentingan Melayu. Ini kerana ia dirangka oleh orang-orang Melayu sendiri. Malangnya para pemimpin Melayu sendiri yang gagal menjunjungnyanya. Sebab itu di dalam rangka menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-51 bulan depan kita masih lagi berada di takut lama dan tak sudah-sudah menyebut soal kelangsungan bangsa yang sepatutnya sudah selesai lama.

Dengan demikian orang Melayu mungkin perlu mencuba formula baru dan memberi sokongan kepada Pakatan Rakyat pula: PKR telah berikar untuk menjunjung perlembagaan di dalam manifesto PRU ke 12nya. Selama ini UMNO bukan sahaja gagal mengisi peruntukan perlembagaan malah tidak pernah membuat komitmen untuk menjunjungnyanya. Dalam masa yang sama perlembagaan itu telah dipinda banyak kali untuk memberi laluan kepada kepentingan politik mereka.

**\* Profesor Dr Abdul Aziz Bari mengajar undang-undang di UIAM Gombak.**